



19 JAN, 2023

31 pemain industri terima anugerah HRD ke-20



Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

31 pemain industri terima anugerah HRD ke-20

Kuala Lumpur: AirAsia Berhad antara 31 pemain industri yang dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pembangunan Sumber Manusia (HRD) ke-20 berikutkan kecemerlangan dalam pembangunan modal insan.

Anugerah HRD terbahagi kepada dua kategori dengan syarikat kumpulan penerbangan itu menerima Anugerah Menteri Sumber selain CIMB Bank Berhad dan Malaysia Airlines Berhad.

Turut menerima anugerah sama adalah Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Alam Flora Sdn Bhd dan 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd.

Bagi kategori Anugerah HRD Corp, 14 pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menerima anugerah antaranya Owen Mumford Sdn Bhd, Jesin Construction Sdn Bhd, Zhulian Marketing (M) Sdn Bhd dan

Aspac Lubricant (M) Sdn Bhd.

Menteri Sumber Manusia V Sivakumar berkata, Anugerah HRD medium terbaik untuk menilai prestasi majikan dan pemain industri dalam memperkuatkhan usaha pembangunan sumber manusia mereka.

Menurutnya, kejayaan mereka menjadi penanda aras kepada syarikat lain.

"Wawasan jangka panjang Malaysia untuk menjadi ne-

gara berpendapatan tinggi dan maju dalam ekonomi, bergantung kepada keupayaan mengembangkan tenaga kerja dan bakat.

"Bagaimanapun, ini tidak boleh dicapai jika ia hanya dilakukan kerajaan sahaja.

"Setiap pemain industri perlu memainkan peranan dan mengambil bahagian dalam pelbagai aspek untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan," katanya.



SIVAKUMAR (depan, tengah) bersama penerima anugerah pada Majlis Anugerah HRD ke-20 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.